

**SULIT  
1103/2  
Bahasa  
Melayu  
Kertas 2  
2015**

2½ jam



**SMK SUNGAI MANIK  
36000 TELUK INTAN, PERAK**

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2015**

**BAHASA MELAYU**

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

---

**JANGAN BUKA SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
  2. *Jawab semua soalan.*
  3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusastraan Melayu Tingkatan 4 dan 5.*
  4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
- 

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

Disediakan oleh,

Disemak oleh,

Disahkan oleh,

**Soalan 1 : Rumusan**

[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang langkah-langkah kerajaan meringankan beban rakyat dalam menghadapi kegawatan ekonomi dan kesan-kesan pemulihian ekonomi kepada rakyat. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Usaha membasmi *kemiskinan tegar* menjadi agenda utama kerajaan menjelang 2010. Bagi meringankan beban rakyat, usaha diambil dengan memperuntukkan RM214 juta bagi pelaksanaan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat untuk tujuan pembasmian kemiskinan. Langkah ini juga akan memastikan agenda masyarakat penyayang terus diamalkan walaupun dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu.

Kerajaan dalam usaha meringankan beban rakyat telah memperkenalkan pakej rangsangan ekonomi pertama khusus untuk meningkatkan pemilikan rumah oleh rakyat. Oleh itu, bagi merangsang sektor perumahan, kerajaan mencadangkan supaya pembeli diberikan pelepasan cukai atas faedah pinjaman. Kerajaan juga telah membantu rakyat dengan menambah baik infrastruktur awam. Dalam hal ini, kerajaan menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM200 juta untuk menambah baik infrastruktur yang rosak serta menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian, penyelenggaraan, dan membaik pulih pelbagai kemudahan serta prasarana awam. Selain itu, Bon Simpanan Kerajaan telah diterbitkan untuk menjanakan pendapatan rakyat. Bon ini bertujuan memberikan peluang kepada rakyat untuk memperoleh pendapatan tambahan. Bon ini dibuka kepada setiap rakyat berusia 21 tahun ke atas dengan nilai minimum pelaburan sebanyak RM1000.

Di samping itu, kerajaan menaik taraf pelbagai kemudahan asas di luar bandar seperti bekalan elektrik dan air terutama di Sabah dan Sarawak. Usaha ini akan meningkatkan ekonomi rakyat melalui pengambilan kontraktor kecil dan pekerja tempatan di kawasan luar bandar. Justeru, pelbagai program dan projek dirancang oleh kerajaan untuk meningkatkan ekonomi rakyat di Sabah dan Sarawak seperti pembesaran Lapangan Terbang Sibu, Sarawak dan Projek Sistem Penghantaran Elektrik Kota Kinabalu, Sabah.

Kini, terdapat beberapa program mikrokredit tanpa cagaran disediakan oleh pelbagai pihak seperti Amanah Ikhtiar Malaysia, Agrobank dan TEKUN. Program ini bertujuan untuk membantu peniaga kecil di bandar dan di luar bandar. Kaedah lain yang dilaksanakan adalah dengan memberi bantuan kepada golongan yang kurang bernasib baik seperti warga emas, golongan kurang upaya, dan ibu tunggal. Bantuan yang diberikan adalah seperti program jaringan keselamatan sosial, bantuan kewangan dan bilangan tenaga kerja, meningkatkan kemudahan pusat penjagaan warga tua, memantapkan pengurusan rumah perlindungan wanita, dan menambahkan kemudahan pusat asuhan kanak-kanak.

Bagi mengurangkan tanggungan orang ramai, kerajaan mengambil langkah pengecualian cukai yang diberikan atas bayaran pampasan kehilangan pekerjaan. Langkah ini diambil bertujuan untuk menjaga kebijakan pekerja yang diberhentikan. Di samping itu, kerajaan menggalakkan pihak bank untuk menangguhkan bayaran balik pinjaman perumahan.

Kesimpulannya, kerajaan yakin usaha yang dirangka dan dilaksanakan adalah komprehensif dan menyeluruh untuk menghindarkan ekonomi negara daripada terjerumus dalam

kancan kemelesetan yang mendalam sehingga memberi kesan kepada rakyatnya. Dengan landasan kukuh yang telah dibina, kerajaan yakin dapat mencipta kejayaan lebih besar.

(Dipetik dan diubah suai daripada,  
"Pakej RM60b Perkuuh Ekonomi Negara  
Hadapi Kegawatan Global" *Berita Harian*, 11  
Mac 2009)

### **Soalan 2: Pemahaman**

[ 35 markah ]

#### **Soalan 2 (a) – Petikan Umum**

*Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

- (i) Apakah maksud rangkai kata *kemiskinan tegar*?

[2 markah]

- (ii) Pengarang menyatakan bahawa peruntukan tambahan telah disediakan oleh kerajaan untuk meringankan beban rakyat.

Nyatakan **dua** cara peruntukan tambahan tersebut dibelanjakan.

[3 markah]

- (iii) Rakyat juga berperanan dalam menangani krisis ekonomi negara.

Huraikan pendapat anda tentang **tiga** cara rakyat dapat menangani krisis ekonomi negara.

[4 markah]

#### **Soalan 2(b) – Petikan Cerpen**

*Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Anak yang menangis tadi didukung oleh anak gadis Kapten Mamat. Tetapi anak Masnah yang pandai bercakap, bertanya ibunya, "Emak! Oh, emak! Abah adaa di sini emak?"

"Engkau bertuah anakku," sahut Masnah sambil membelai rambutnya. "Engkau tidak mengikut langkah abahmu. Engkau tidak akan menjadi orang kapal."

"Saya hendak jadi apa emak?" Anak itu memegang baju kurung ibunya. "Jadi kapten, ya emak! Bawa kapal tinggi, setinggi pokok kelapa, bawa kapal besar, sebesar rumah panjang, ya emak!"

"Hiss, sayang, anakku!" Masnah memandang Kapten Mamat. "Dengarlah ... dengarlah hafalnya ajaran abahnya. Ah, bapamu tidak puas-puasnya belayar! Dia mesti belayar terus."

"Emak marah sebab apa?"

Masnah tidak ketentuan hala mendengar soalan itu. Kapten Mamat menggeleng-geleng melihatnya. "Anak itu memang bijak benar," kata hatinya. Dia memandang isterinya mengesat mata. Perkara ini satu beban besar yang mesti diatasinya.

"Naik ke anjung, Mas, naik," Kapten Mamat mengajak. "Bawa budak tu. Naiklah." Dia melangkah seperti akan menutup satu babak drama. Sementara itu, ditawarnya sebuah senyum pahit kepada anak yang pandai bercakap itu, lalu katanya: "Ha, naik Bahar! Mari ke anjung, ada kapal. Engkau boleh jadi kapten 'raja laut' kapal besar."

(Dipetik daripada cerpen 'Penanggungan' oleh Wijaya Mala dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Nyatakan sebab-sebab Bahar dikatakan anak yang bertuah.

[2 markah]

- (ii) Sekiranya anda seorang kelasi kapal, apakah persediaan- persediaan yang perlu anda lakukan untuk belayar di laut?

[3 markah]

- (iii) Jelaskan **satu** nilai kemanusiaan yang terdapat dalam petikan cerpen di atas dan **satu** nilai kemanusiaan lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan.

[4 markah]

### Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Seluruh isi geliung terpegun mendengarnya, *kecut perut* rasanya mendengar banyaknya lanun di laut itu, tetapi jurumudi menyahut, "Ampun Tuanku, patiklah yang akan melawan bajak laut itu semuanya."

Apabila melintasi perairan Pulau Salah Nama, keluarlah kumpulan lanun datang menyerang geliung panjang. Orang di geliung itu lari ke bawah menyelamatkan diri masing-masing, jurumudi sendiri telah lari lintang-pukang menyelamatkan nyawanya.

"Pergi kaupanggilan budak hitam itu ke mari melawan bajak laut itu!" perintah Tuan Puteri Dayang Seri Jawa kepada Si Kembang Cinanya

Awang Sulung berhelah, katanya dia hanya layak menjadi penunggu reban dan penyapu rumah saja.

"Pergi kau sekali lagi memujuknya dengan bahasa yang lemah lembut."

"Hai Kakak Kembang, bagaimana hendak melawan, tangan dan kakiku sakit-sakit!"

Mendengar alasan itu tuluhlah Tuan Puteri Dayang Seri Jawa apa yang mesti diberi kepada Awang Sulung itu lalu disuruhnya Si Kembang Cinanya mengambil limau selimpat pagar dan sabun wangi untuk Awang Sulung pergi mandi. Turunlah Awang Sulung mandi lalu menggosok badannya; sekali menggosok limau, dua tiga panau tercelik; hilang cahaya bulan, timbul cahaya panaunya.

(Dipetik daripada 'Pelayaran Penuh Peristiwa' dalam antologi *Harga Remaja*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud rangkai kata *kecut perut*.  
[2 markah]
- (ii) Nyatakan perintah-perintah Tuan Puteri Dayang Seri Jawa kepada Si Kembang Cina.  
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah Awang Sulung memberikan alasan bahawa dia hanya layak menjadi penunggu reban dan penyapu rumah sahaja?  
Berikan **dua** alasan anda.  
[3 markah]

**Soalan 2 (d) – Sajak**

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**DI BAWAH LANGIT YANG SAMA**  
Lim Swee Tin

Di bawah langit yang sama  
Kita hirupi udara  
Tanpa mengira Beirutmu  
Ataupun Kuala Lumpurku  
Kita menghirup udara  
Di bawah langit yang sama.

Aku suka gerimis di Kota London  
Pernah terpesona angin dingin-tajam di Washington  
Pohon-pohon hijau atau aneka warna  
tiada bezanya.

Siapa pun menghuni Australia penghuni Afrika  
Kerana di bawah langit ini  
Kita sama.

Aku ingin menyeberangi Laut China Selatan  
Layari Lautan Teduh rentasi Laluan Sutera  
Berkongsi siang miliki malam  
Anyam cinta pelangikan zaman  
Tiupkan harapan senada  
Sesama kita - warga dunia  
Di bawah langitnya  
Yang sama.

Peta-peta itu yang memisahkan  
Jangan tutup pos sempadan

Visa hanya keperluan rasmi seketika  
 Pasport dokumen pengenalan titik mula  
 Kita dakapi mimpi tak berbeza  
 gapai hasrat  
 Lebur kebencian kuburkan sejarah hitam  
 Di bawah langit ini yang  
 Sama.

*Antologi Dirgahayu Bahasaku,*  
 Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan sajak di atas, nyatakan sebab-sebab penyajak suka berada di kota London.

[2 markah]

- (ii) Di bawah langit yang sama bermaksud bahawa manusia ini semuanya sama kerana tinggal di bumi yang sama. Pada pandangan anda, apakah usaha-usaha yang dapat dilakukan untuk memastikan wujudnya perpaduan dalam kalangan masyarakat di seluruh dunia? Huraikan **dua** usaha.

[3 markah]

- (iii) Huraikan **dua** persoalan yang diperoleh daripada sajak tersebut.

[4 markah]

### Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[ 30 markah ]

*Jawab semua soalan*

- (a) Tulis **satu ayat** bagi setiap rangkai kata di bawah supaya jelas menunjukkan anda faham maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) media sosial
- (ii) litar pintas
- (iii) masyarakat majmuk
- (iv) derma kilat
- (v) pakar bedah
- (vi) bencana alam

[6 markah]

(b) Berdasarkan ayat-ayat di bawah, bina **ayat tanya** dengan menggunakan **kata tanya** yang betul. Kata tanya yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan rangkai kata yang berhuruf condong dalam ayat-ayat yang diberikan.

- (i) Mereka memancing ikan pagi tadi.
- (ii) Encik Rosly bendahari PIBG di sekolah itu.
- (iii) Murid itu dipuji kerana rajin membaca buku.
- (iv) Pameran robotik itu akan diadakan di *Arena Square, Teluk Intan*.
- (v) *Jentuai* digunakan untuk menuai padi.
- (vi) Rakyat negara kita dapat hidup harmoni melalui *perpaduan*.

[6 markah]

(c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Data kajian tentang kualiti alam sekitar itu perlu saya catit sebelum laporan perincian dibuat.
- (ii) Penanaman nenas secara besar-besaran memberikan pendapatan yang lumayan kepada pengusaha yang berani menceburkan bidang pertanian komersial.
- (iii) Penduduk di kawasan pedalaman itu berpegang teguh pada mempercayai nenek moyang bagi memastikan jatidiri mereka sentiasa terpelihara.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Sebagai pelajar, kita mesti tabah merempuh segala cabaran agar berjaya di masa depan.
- (ii) Kebanjiran pendatang-pendatang asing yang meningkat secara mengejut dari hari ke hari menjadi satu masalah kepada negara.
- (iii) Persatuan Ibu Bapa dan Guru SMK Seri Indah akan membincangkan tentang masalah kemerosotan keputusan peperiksaan yang dihebohkan baru-baru ini oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.

[ 6 markah ]

(e) Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian kemukakan **tiga** peribahasa yang menggambarkan tiga situasi yang berbeza yang terdapat dalam petikan.

- (i) Jika rakyat bersatu hati, negara akan menjadi kuat dan berlaku sebaliknya jika rakyat berpecah belah.
- (ii) Usaha untuk membendung gejala lumba haram itu menemukan kegagalan kerana usaha itu tidak dijalankan dengan bersungguh-sungguh.
- (iii) Kita hendaklah menghargai masa kerana masa yang berlalu tidak akan berulang kembali.

[ 6 markah ]

#### Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Kembara Amira karya Amer Hamzah L.Kader
  - (ii) Interlok karya SN Abdullah Hussain
  - (iii) Sutera Dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan
  - (iv) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
  - (v) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
  - (vi) Papa (Akhirnya Kau Tewas Jua) karya Deana Yusuf
  - (vii) Renyah karya Gunawan Mahmood
  - (viii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (a) Jelaskan **dua** peristiwa yang dapat dikaitkan dengan persoalan ketabahan dalam sebuah novel yang anda kaji.
- [7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda pelajari,uraikan **satu** pengajaran yang menggambarkan semangat kerjasama yang terdapat dalam setiap novel.
- [8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**